

Tun Syed Ahmad Canselor KUTKM

Archival News | Berita Harian | 27/08/2003

MELAKA: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berkenan melantik Yang di-Pertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin sebagai Canselor Kolej Universiti Teknologi Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang pertama.

Pelantikan itu selaras Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan Perlembagaan KUTKM di bawah perkara 10 (1) dan (2) Bahagian II.

Rektor KUTKM, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani, berkata pelantikan atas nasihat Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun.

Beliau berkata, serentak itu, majlis istiadat pemasyhuran canselor dan majlis konvokesyen diadakan di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, esok.

Pada majlis itu, Canselor KUTKM dimasyhurkan secara rasmi selepas istiadat penyerahan cokmar oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin kepada rektor.

Mohd Ruddin berkata, pada majlis itu tiga tokoh akan menerima anugerah ijazah kehormat berdasarkan sumbangan dalam bidang masing-masing.

Mereka ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Coventry, England, Prof Ashraf Jawaid.

(END) Source : Berita Harian

